



TERMA & SYARAT KAD KREDIT SUTERA PLATINUM HONG LEONG ([English Version](#))

Dikemas Kini 29 Disember 2023

Terma dan syarat (“**T&S**”) Kad Kredit Sutera Platinum Hong Leong (“**Kad Sutera**”) di bawah hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad (“**Perjanjian**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”). Selain daripada perubahan seperti tertera di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat T&S, T&S ini akan diguna pakai setakat yang terpakai berkenaan dengan Kad Sutera. Dengan menerima Kad Sutera, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Perjanjian.

CIRI-CIRI PRODUK

1. Takrif

- (a) “**Pemegang Kad**” bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad sama ada “**Pemegang Kad Utama**” dan/atau “**Pemegang Kad Tambahan**” melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (b) “**Pemegang Kad Utama**” bermakna Pemegang Kad Utama yang kepadanya Kad dikeluarkan oleh HLB.
- (c) “**HLB Connect App**” bermaksud Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect.
- (d) “**Transaksi QR Pay**” bermaksud transaksi runcit dibuat melalui HLB Connect App menggunakan QR Pay.

2. Program Ganjaran Kad Sutera (“Program”)

- (a) Pemegang Kad adalah layak menyertai Program ini dan memperoleh Mata Ganjaran HLB berikut berdasarkan Kategori Perbelanjaan dan Kod Kategori Peniaga (“**MCC**”), Peniaga dan/atau Transaksi seperti ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

| Kategori Perbelanjaan | Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan / atau Transaksi | Gandaan Mata Ganjaran HLB (untuk setiap RM1 yang dibelanjakan) |
|-----------------------------|---|--|
| Perbelanjaan Atas Talian | <ul style="list-style-type: none">• Lazada• Shopee• Grab• Foodpanda• Touch N Go• MYEG• Spotify• Netflix• Apple Music <p>Nota: termasuk tambah nilai e-wallet dan servis penghantaran makanan</p> | 8X |
| Barangan Runcit & Keperluan | <ul style="list-style-type: none">• MCC: 5411 – Semua kedai runcit termasuk Giant, Cold Storage, Jaya Grocer, Mercato, dan lain-lain.• MCC: 5912 – Semua kedai ubat dan farmasi termasuk Guardian, Watsons, Caring Pharmacy dan lain-lain• Kedai Serbaneka yang terpilih – MyNews and 7Eleven | 8X |

| | | |
|-------------|---|----|
| Jamu Selera | <ul style="list-style-type: none"> MCC: 5811/5812/5814 – Semua kedai/tempat jamu selera | 8X |
| Luar Negara | <ul style="list-style-type: none"> Sebarang perbelanjaan runcit bukan MYR, tanpa mengira lokasi | 8X |
| Lain-lain | <ul style="list-style-type: none"> Semua <u>Transaksi Runcit Layak</u> (sila merujuk kepada definisi di bawah) | 1X |

- (b) Terma "**Transaksi Runcit Layak**" bermaksud apa-apa transaksi belian runcit yang dibuat di dalam negara dan luar negara, termasuk transaksi dalam talian, selain daripada Kod Kategori Peniaga ("MCC"), Peniaga dan/atau Transaksi yang dinyatakan dalam Jadual 1 yang dicaj kepada Kad Sutera (Kad Sutera Utama dan Tambahan) tetapi TIDAK TERMASUK (senarai di bawah ini tidak lengkap dan HLB berhak menentukan sama ada sesuatu transaksi terangkum dalam takrif Transaksi Runcit atau Pembelanjaan Runcit):
- (i) JomPay dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (ii) Transaksi FPX;
 - (iii) transaksi tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada Pendahuluan Tunai dan Pindahan Baki;
 - (iv) transaksi Quick Cash;
 - (v) fi dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada caj bagi pengeluaran wang tunai dan bayaran tunai, fi tahunan, faedah dan/atau caj kewangan, transaksi dipertikaikan, caj kerajaan seperti cukai dan apa-apa jenis caj dan penalti;
 - (vi) pindahan dana (daripada atau kepada akaun HLB sama ada oleh HLB atau pihak ketiga);
 - (vii) transaksi yang dipertikaikan yang kemudiannya dibalikkan daripada akaun Pemegang Kad; dan/atau
 - (viii) Transaksi QR Pay dibuat melalui HLB Connect App.

Transaksi yang tersenarai di bawah Klausus 2(b)(i) hingga (viii) di atas tidak akan menerima apa-apa Mata Ganjaran HLB.

- (c) Bagi Pelan Bayaran Fleksi ("FPP"), Mata Ganjaran HLB akan diberi berdasarkan amaun transaksi dan Kategori Perbelanjaan . Tiada Mata Ganjaran HLB akan diberi lagi bagi amaun ansuran bulanan mengikut tempoh yang disetujui.
- (d) Bagi Pelan Bayaran Fleksi ("EPP"), Mata Ganjaran HLB akan diberi berdasarkan amaun bulanan iaitu satu (1) Mata Ganjaran HLB bagi setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1) amaun ansuran bulanan tanpa mengira Kategori Perbelanjaan.
- (e) Semua Mata Ganjaran HLB menurut Kategori Perbelanjaan berkenaan akan dianugerahkan pada tarikh transaksi tercatat.
- (f) Penetapan MCC bagi setiap peniaga adalah bergantung kepada pengelasan oleh bank pemeroleh peniaga berkenaan ("Bank Pemeroleh Peniaga") berdasarkan budi bicara mereka dan Bank Pemeroleh Peniaga berkenaan bertanggungjawab menetapkan MCC dan perihal MCC yang betul. Kecuali keingkaran sengaja atau kecuaian melampau HLB, HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atas penetapan tak konsisten MCC dan/atau perihal MCC oleh Bank Pemeroleh Peniaga berkenaan dan/atau penetapan tidak betul oleh Bank Pemeroleh Peniaga yang boleh menyebabkan ketidaklayakan menerima Mata Ganjaran HLB.
- (g) Semua pengeluaran dan penebusan Mata Ganjaran HLB adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Katalog Ganjaran Hong Leong Club yang boleh disemak di www.hlb.com.my/rewards



3. Insurans

Pemegang Kad Utama berhak menikmati perlindungan insurans sehingga Ringgit Malaysia Satu Juta Tujuh Ratus Ribu (RM1.7 juta) bagi Kemalangan dan Kesulitan Perjalanan, Perbelanjaan Perubatan Luar Negara, Kehilangan Wang Sendiri dan Kecurian Ragut ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“**MSIG**”). Untuk melihat polisi, sila klik [di sini](#).

Untuk pertanyaan, hubungi Talian MSIG di 1800-88-6744.

Untuk membuat tuntutan, notis bertulis mestilah diberi kepada:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Bahagian Perkhidmatan Pelanggan
Level 15, Menara Hap Seng
No. 2 Jalan P. Ramlee
50450 Kuala Lumpur
No. faks: 03-2026 8086
Alamat Emel: myMSIG@my.msig-asia.com
Alamat Laman Web: www.msig.com.my

4. Fi Tahunan

Fi Tahunan akan dikenakan seperti berikut:

| | |
|------------------------------|-------|
| Pemegang Kad Utama | RM120 |
| Pemegang Kad Tambahan | RM60 |

Fi tahunan akan dikecualikan apabila anda menggunakan Kad Sutera anda dengan perbelanjaan runcit minimum Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM 15,000) setahun. Semua transaksi berkaitan kerajaan dan/atau JomPAY akan menyumbang kepada perbelanjaan runcit tahunan anda; namun, transaksi tersebut tidak layak mendapat Mata Ganjaran HLB.

5. Pengubahan Ciri Produk

- HLB adalah berhak untuk, dan dari semasa ke semasa, meminda, mengubah atau menukar mana-mana terma dan syarat Kad Sutera atau menarik balik Kad Sutera pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan diterima guna oleh HLB. HLB boleh membuat hantaran pos secara langsung kepada Pemegang Kad atau memaklumkan kepada media masa atau meletak notis dalam dewan perbankan HLB atau laman web HLB di www.hlb.com.my atau apa-apa cara yang HLB anggap sesuai bagi penambahan, pengubahsuaian atau pemindaan ciri-ciri produk tersebut.
- T&S dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

6. Tafsiran

- Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian yang sama seperti mana ditakrif dalam Perjanjian kecuali ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
- Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
- Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.



Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang sedang melayan anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my